

CIKGU SABARUDIN ISA

MEMBERI SINAR DALAM GELITA

Oleh: Amy Suzani Mohd. Ainuddin

KEHADIRANNYA dalam dunia pendidikan tanah air sebagai seorang guru yang cacat penglihatan pada penghujung tahun 1978, merupakan sesuatu yang dipandang aneh oleh sesetengah golongan masyarakat. Apatah lagi bila dia ditugaskan untuk mengajar di sebuah sekolah biasa, berdepan dengan pelajar-pelajar normal dan mengajar pula subjek bahasa untuk pelajar-pelajar yang bakal menduduki peperiksaan penting.

Namun keanehan itu bukan pula menjadi sesuatu yang mustahil kepada Cikgu Sabarudin Isa. Beliau bukan sahaja mampu malah berjaya mengharungi segala onak dan duri cabaran sebagai seorang pendidik di Sekolah Menengah Kebangsaan Machang, Kelantan semenjak tahun 1978 hinggalah ke hari ini.

Dilahirkan pada 13 April 1953, bapa kepada enam orang anak ini mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas Princess Elizabeth, Johor Baharu, Johor. Beliau memasuki sekolah berkenaan ketika berusia sembilan tahun setelah dinasihatkan oleh seorang pegawai kebajikan masyarakat ketika itu. Menurut Cikgu Sabarudin sewaktu mendapat peluang belajar tersebut masyarakat kampung ramai yang

menentang. Namun neneknya sangat kuat memberikan dorongan agar beliau tidak menolak kesempatan yang datang.

Cikgu Sabarudin yang sejak lahir diasuh oleh neneknya mengakui sangat bersyukur kerana mempunyai seorang nenek yang berpandangan jauh. Menurut beliau, kalaulah bukan kerana sokongan dan galakan nenek yang bersungguh-sungguh mahukan dia mendapat pelajaran, pasti warna hidupnya akan jauh berbeza daripada apa yang ada hari ini. Tidak dapat untuk beliau gambarkan apakah yang mungkin terjadi jika beliau tidak mempunyai pelajaran seperti sekarang.

Mengimbas kembali zaman kanak-kanaknya, detik-detik ketika terpaksa berpisah dengan nenek tersayang sewaktu akan memulakan persekolahan di Johor Baharu, merupakan detik-detik yang paling menghiris perasaannya. Malah setelah berada di Johor Baharu, beliau mengambil masa hampir dua tahun untuk memyesuaikan dirinya dengan keadaan di sana. Dalam tempoh tersebut, setiap kali pulang bercuti, setiap kali itulah beliau enggan kembali semula ke sekolah.

Namun berkat dorongan nenek, Cikgu Sabarudin akhirnya berjaya juga menamatkan persekolahan rendahnya di Princess Elizabeth. Di situlah beliau membina kemahiran asas belajar menggunakan *Braille*. Di situlah juga beliau bersama rakan-rakan lain yang senasib dengannya dilatih untuk berdikari. Segalanya adalah bekalan berharga untuk Cikgu Sabarudin meneruskan hari-hari mendatangnya.

Kecemerlangan Cikgu Sabarudin dalam pelajaran di peringkat rendah, telah membawa beliau memasuki Sultan Ismail College, Kota Bharu, Kelantan untuk meneruskan pendidikan menengahnya. Di sekolah tersebutlah beliau menamatkan pelajaran menengahnya dari tingkatan satu hingga ke tingkatan enam.

Ketiadaan sekolah menengah pendidikan khas pada waktu itu memaksa Cikgu Sabarudin meneruskan pelajarannya di sekolah biasa. Beliau belajar dalam satu kelas yang sama dengan pelajar-pelajar lain yang normal. Pada waktu itu cuma ada dua orang guru pendidikan khas yang ditempatkan di sekolah berkenaan khusus untuk membantu Cikgu Sabarudin dan beberapa orang pelajar lain yang senasib dengannya menghadapi pelajaran.

Walaupun demikian menurut Cikgu Sabarudin itu bukan menjadi masalah utama kepadanya. Malah sebaliknya beliau merasakan kesempatan belajar di sekolah normal dan bergaul dengan pelajar-pelajar yang normal merupakan sesuatu yang terbaik untuk golongan cacat penglihatan sepertinya. Menurut Cikgu Sabarudin, golongan cacat penglihatan juga adalah sebahagian daripada masyarakat dan kerana itu tidak wajar jika mereka dipisahkan daripada masyarakat.

Cikgu Sabarudin berpendapat kewujudan sekolah menengah pendidikan khas untuk golongan cacat penglihatan tidak perlu. Beliau mencadangkan agar golongan cacat penglihatan mendapatkan pendidikan khas hanya ketika berada di sekolah rendah untuk membina kemahiran asas yang diperlukan oleh orang cacat penglihatan. Apabila ke

peringkat menengah pelajar-pelajar cacat penglihatan tidak perlu lagi diasingkan daripada masyarakat. Mereka perlu belajar bergaul dengan pelajar normal kerana itulah realiti kehidupan dan itulah juga yang terpaksa dihadapi jika mereka menjejakkan kaki ke menara gading kelak.

Sepanjang berada di bangku sekolah menengah, Cikgu Sabarudin mendapat sokongan yang baik daripada rakan-rakan dan guru-gurunya. Mereka sentiasa bersedia menghulurkan bantuan setiap kali beliau memerlukan. Tidak ada diskriminasi sekalipun beliau merupakan satu-satunya pelajar cacat penglihatan di dalam kelasnya. Semua ini membolehkan Cikgu Sabarudin menghadapi pelajaran dengan baik dan mendapat keputusan yang baik pada setiap kali peperiksaan.

Dalam tahun 1974, setelah menamatkan pengajiannya di sekolah menengah, Cikgu Sabarudin telah mendapat tawaran untuk melanjutkan pelajarannya ke menara gading. Sejak itu, bermulalah kehidupannya sebagai seorang siswa di Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya di mana beliau mengambil bidang Linguistik dan Sastera sebagai pengkhususannya.

Semangat dan kegigihannya sejak kecil terus di bawanya ketika berada di menara gading. Berbekalkan pengalaman menimba ilmu bersama pelajar-pelajar normal ketika di sekolah menengah, Cikgu Sabarudin terus mengatur langkah, memperjuangkan cita-citanya di universiti.

Hakikatnya, berdepan dengan masyarakat kampus yang jauh lebih besar daripada masyarakat sewaktu di alam persekolahan, menjanjikan cabaran yang lebih besar juga buat Cikgu Sabarudin. Kalau mahasiswa lain dapat membuat rujukan perpustakaan dengan mudah, tidak demikian keadaannya bagi mahasiswa yang cacat penglihatan. Tambahan pula pada waktu itu belum tersedia kemudahan komputer dan internet seperti hari ini. Segalanya memerlukan kerja keras serta bantuan rakan-rakan yang mengerti.

Berkat ketabahan menimba ilmu selama tiga tahun di Universiti Malaya, akhirnya segulung ijazah yang diperjuangkan tergendam juga di tangan. Beliau lulus dari Universiti Malaya dengan mendapat Ijazah Sarjana Muda Sastera Dengan Kepujian Bahagian Kelas Kedua Tinggi. Suatu pencapaian yang sudah boleh dibanggakan apatah lagi kerana ia dicapai oleh seorang yang cacat penglihatan. Itulah hadiah kepada segala jerih payahnya selama ini.

Namun perjalanan tidak mahu dihentikan hanya di situ. Demi mencorak masa depan yang lebih gemilang dan demi merealisasikan cita-citanya untuk menjadi seorang pendidik, Cikgu Sabarudin menyambung kembali pengajiannya. Beliau membuat keputusan untuk mengikuti kursus pendidikan selama setahun juga di Universiti Malaya. Dalam tahun 1977 beliau telah berjaya memperolehi Diploma Pendidikannya sekaligus melayakkan beliau untuk menjadi seorang pendidik.

Impian akhirnya bukan lagi menjadi satu khayalan. Cita-cita yang sekian lama diladani dengan kegigihan telah membuahkan hasil yang diharapkan. Setelah

menamatkan pengajiannya, Cikgu Sabarudin telah ditugaskan untuk mengajar di kampung halamannya sendiri iaitu di Sekolah Menengah Kebangsaan Machang, Kelantan.

Di sekolah tersebutlah bermulanya kerjaya perguruan Cikgu Sabarudin. Di sekolah tersebut jugalah Cikgu Sabarudin membuktikan kemampuannya untuk menjadi seorang guru yang bukan sekadar mengajar untuk memperolehi gaji bulanan tetapi lebih penting lagi mendidik anak bangsa dengan penuh dedikasi.

Memandangkan pada waktu itu, sekolah tersebut tidak mempunyai Guru Bahasa Inggeris yang mencukupi, Cikgu Sabarudin telah diminta untuk mengajar subjek berkenaan. Sekali pun Bahasa Inggeris bukan merupakan bidang pengajiannya sewaktu di universiti, namun kebolehan Cikgu Sabarudin menguasai bahasa dunia itu menyebabkan beliau mendapat kepercayaan untuk mengajarnya. Tambahan pula beliau mempunyai sijil MCE (*Malaysia Certificate of Education*) yang secara tidak langsung membuktikan kebolehan beliau menguasai Bahasa Inggeris.

Cikgu Sabarudin akur dengan tugas yang diberi. Beliau kekal mengajar Bahasa Inggeris di Sekolah Menengah Kebangsaan Machang hinggalah sekarang. Sepanjang 26 tahun kini, Cikgu Sabarudin masih belum jemu mencurah bakti menunaikan tanggungjawabnya.

Namun laluan sepanjang tempoh 26 tahun itu ternyata bukanlah suatu laluan yang mudah untuk ditempuhi. Pelbagai cabaran terpaksa dihadapi. Seribu satu ragam mewarnai kerjaya perguruan Cikgu Sabarudin. Sepanjang mengajar di sekolah berkenaan, beliau telah berkhidmat di bawah sepuluh orang pengetua. Dan yang pasti setiap kali berlaku pertukaran pengetua setiap kali itulah akan ada masalah menantinya.

Apa yang pasti, bukan mudah untuk Cikgu Sabarudin mendapat kepercayaan daripada pengetua sekolah serta guru-guru lain semasa menjalankan tugasnya sebagai pendidik. Ini dihadapi oleh beliau terutamanya di awal kerjayanya. Begitu juga ketika berdepan dengan pengetua yang baru ditukarkan ke sekolah berkenaan. Ramai yang akan bertanya-tanya bagaimana seorang yang cacat penglihatan seperti ini boleh menjalankan tugas sebagai guru? Bagaimana beliau memeriksa buku kerja murid-muridnya? Bagaimana beliau menulis di papan hitam? Bagaimana pula beliau berdepan dengan keremah berpuluh orang murid dalam satu kelas yang pastinya penuh dengan berbagai ragam?

Cikgu Sabarudin mengakui tidak mudah untuk beliau melakukan semua itu. Menyediakan bahan-bahan untuk mengajar, memeriksa buku latihan serta kertas jawapan peperiksaan murid-murid serta mengawal puluhan murid dalam satu kelas barangkali merupakan rutin harian yang mudah ditangani oleh guru-guru lain tetapi tidak semudah itu untuk seorang guru yang cacat penglihatannya.

Tetapi ibarat kata pepatah Melayu, ‘Ular yang menyusur akar itu tidak akan hilang bisanya.’ Demikianlah Cikgu Sabarudin walaupun dalam dunia yang gelap gelita tetap mampu menjalankan tugas dengan baik setanding dengan guru-guru lain yang sempurna penglihatan mereka.

Berpegang kepada prinsip di mana ada kemahuan di situlah akan terbuka jalan menuju kejayaan, Cikgu Sabarudin menghadapi setiap cabaran yang datang dengan cekat dan bijak. Seseekali memang ada keluhan terluah, namun untuk berputus asa tidak sama sekali. Sikapnya yang kuat berusaha dan sedapat mungkin mahu berdikari membuatkan Cikgu Sabarudin mampu melangkah jauh ke hadapan.

Menceritakan pengalaman beberapa tahun yang lalu bagaimana ketika permohonan beliau untuk mendapatkan sebuah alat perakam suara bagi tujuan mengajar daripada pihak Kementerian Pendidikan tidak berjaya, Cikgu Sabarudin sanggup mengeluarkan peruntukan sendiri untuk membelinya. Malah bukan sekadar alat perakam suara yang dibeli bahkan televisyen serta komputer. Semuanya mencecah harga ribuan ringgit dan Cikgu Sabarudin melakukannya dengan hati yang ikhlas. Apa yang penting adalah untuk menyampaikan ilmu dengan berkesan kepada murid-muridnya. Wang dan ringgit boleh dicari namun kepuasan kerja yang diperolehinya jauh lebih bermakna daripada itu.

Setiap kali sebelum memulakan pelajaran, Cikgu Sabarudin sentiasa memastikan yang beliau telah membuat persediaan yang rapi. Beliau akan memastikan setiap alat

bantuan mengajarnya lengkap. Harapannya besar mahu mencurah ilmu kepada anak bangsanya yang beliau tahu sangat lemah penguasaan Bahasa Inggeris mereka. Beliau sentiasa mencari jalan bagaimana untuk menyedarkan pelajar-pelajarnya tentang betapa pentingnya menguasai Bahasa Inggeris.

Untuk membantu beliau memeriksa buku kerja serta kertas jawapan peperiksaan murid-murid dan membuat bahan persediaan mengajar Cikgu Sabarudin telah menggaji seorang pembantu khas. Beliau tidak lokek berbelanja asalkan ilmu yang disampaikan dapat diterima dengan berkesan oleh murid-muridnya.

Tidak pernah ada istilah berpuas hati kepada guru yang penuh dedikasi ini. Beliau sentiasa berusaha mencari dan menguasai ilmu-ilmu baru bagi memastikan beliau tidak ketinggalan dalam perkembangan arus pendidikan semasa. Untuk itu, pada awal tahun 1980an apabila komputer mula diperkenalkan di Sekolah Menengah Kebangsaan Machang, Cikgu Sabarudin menunjukkan minat yang mendalam untuk mempelajari komputer.

Cikgu Sabarudin sedar betapa pentingnya penguasaan ilmu ICT untuk memperkasakan dirinya. Sangat mengagumkan kerana di sebalik dunianya yang gelap gelita dan tanpa mendapat pelajaran komputer secara formal, Cikgu Sabarudin mampu menguasai ilmu itu dengan baik. Dalam tempoh lebih kurang setahun setelah belajar sendiri dengan bantuan teman-teman, Cikgu Sabarudin sudah mahir menggunakan komputer.

Sesungguhnya kebolehan menggunakan komputer merupakan satu kelebihan yang sangat besar faedahnya kepada Cikgu Sabarudin. Ditambah lagi dengan kehadiran program-program komputer yang dicipta khusus bagi membantu golongan cacat penglihatan seperti *screen reader*, *open book* dan sebagainya, sangat banyak memudahkan kerja-kerja seharian beliau.

Kini komputer bagaikan menjadi rakan karib Cikgu Sabarudin. Beliau menggunakan komputer bukan sahaja untuk menyediakan bahan-bahan mengajar bahkan juga beliau sudah boleh melayari internet dengan selesa untuk mencari bahan rujukan, membaca akhbar hinggalah berbalas-balas *e-mail* dengan rakan-rakannya. Tidak berakhir di situ, Cikgu Sabarudin juga tidak lokek membantu rakan-rakan lain yang senasib untuk menguasai bidang tersebut.

Alah bisa, tegal biasa. Kini kerja-kerja mengajar setiap hari menjadi bertambah mudah dan berkesan kepada Cikgu Sabarudin. Sesi pembelajaran juga menjadi bertambah menarik. Tidak hairanlah kalau kini Cikgu Sabarudin mendapat kepercayaan untuk mengajar sebanyak enam kelas tingkatan enam di sekolahnya. Tidak hairan juga kalau dari setahun ke setahun sekolah tersebut memperlihatkan peningkatan dari segi pencapaian Bahasa Inggeris murid-muridnya. Semuanya berkat kerja keras guru cacat penglihatan yang berhati waja ini.

Melangkah masuk ke bilik sumber di mana Cikgu Sabarudin mengajar, akan menyerlahkan segala usaha dan kesungguhannya dalam mendidik. Bilik yang dilengkapi dengan komputer, LCD dan peti televisyen ini nampak cukup ceria. Pada setiap meja dilekatkan model-model karangan bahasa Inggeris. Malah setiap ruang pada dinding bilik berkenaan tidak dibiarkan kosong. Cikgu Sabarudin melekatkannya dengan pelbagai carta, nota dan apa sahaja yang difikirkan boleh memberi manfaat kepada murid-muridnya. Peti televisyen digantung ke siling bilik agar setiap murid dapat menonton dengan jelas sewaktu peti televisyen itu digunakan semasa sesi pembelajaran.

Kini setelah 26 tahun menabur bakti mencurahkan ilmu, telah lahir ribuan murid di bawah asuhannya. Sebagai seorang guru, terbetik rasa bangga di hati bila sesekali disapa oleh bekas murid-muridnya. Ada antara mereka yang sudah berjaya dalam hidup menjadi doktor, guru, pegawai dan sebagainya. Sememangnya itulah matlamat seorang guru bila mendidik, untuk melihat kejayaan murid-muridnya.

Dalam tahun 1985, Cikgu Sabarudin menamatkan zaman bujangnya. Beliau mendirikan rumahtangga dengan Suriani Abdullah yang merupakan bekas pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Machang. Semenjak itu, isterilah yang menjadi pendorong dan pembakar semangat Cikgu Sabarudin untuk terus berjuang di arena pendidikan. Perkongsian hidup mereka dikurniakan enam orang cahaya mata.

Berkat asuhan ayah yang pengasih, juga ibu yang penyayang, anak-anaknya memperlihatkan kecemerlangan dalam pelajaran masing-masing. Anak sulungnya kini

sedang belajar di Politeknik, sementara anak keduanya kini sedang belajar di Institut Latihan Perindustrian. Anak-anak yang lain masih di bangku sekolah dan menjadi harapan ayah serta ibu untuk suatu masa nanti turut menjulang kejayaan.

Cikgu Sabarudin pernah bergiat aktif dalam Pertubuhan Orang Cacat Penglihatan Cawangan Kelantan dan Pertubuhan Orang Cacat Penglihatan Islam Kelantan dengan memegang jawatan Pengerusi. Namun kesibukan dengan tugas memaksa beliau melepaskan kedua-dua jawatan tersebut.

Itulah Cikgu Sabarudin Isa, guru cacat penglihatan yang gigih mengatur langkah menyusuri liku-liku dunia pendidikan selama lebih suku abad. Walaupun tidak dapat melihat, namun guru ini boleh diibaratkan seperti membawa sebuah pelita ditangannya. Pelita ilmu yang menyuluh laluan hidup. Dia membawa pelita bukan untuk menerangi dirinya sendiri tetapi untuk menyuluh laluan insan-insan lain.